



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBAKTIAN
PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS BANTUAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

OLEH

YANG DIHORMATI PESURUHJAYA POLIS (CP)
DATO' NARENASAGARAN THANGAVELOO
KETUA POLIS NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
21 FEBRUARI 2020 (JUMAAT)
8.40 PAGI

PERKARANGAN LOBI
MENARA BANDAR RAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis (CP) Dato' Narenasagaran Thangaveloo

Ketua Polis Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Dato' Abdul Razak Bin Elias

Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Tuan Zundin Bin Mahmood

Senior Assistant Commissioner (SAC)

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
(Perancangan Strategik)

Ibu Pejabat Kontinjen Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati ACP Noorzainy Bin Haji Mohd Noor

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara

Yang Dihormati Superintenden Mohd Mustafa Bin Bidin

Pemangku Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah

Yang Dihormati Superintenden Shafee Bin Abd. Samad

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan

Yang Berbahagia Dato' Seri Syed Jaafar Bin Syed Ali

Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

(Malaysia Crime Prevention Foundation)

Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Polis Di Raja Malaysia

Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pegawai dan Anggota-Anggota Polis Bantuan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Penganugerahan Pingat Kebaktian bagi Pegawai Dan Anggota Polis Bantuan Majlis Bandaraya Seberang Perai pada pagi yang berbahagia ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis (CP) Dato' Narenasagaran Thangaveloo, Ketua Polis Negeri Pulau Pinang di atas kesudian beliau untuk hadir dan menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Kebaktian Pegawai Dan Anggota Polis Bantuan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Saya mengalu-alukan kehadiran Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Di Raja Malaysia, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Pegawai-Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kakitangan-kakitangan MBSP serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke majlis yang amat bermakna ini.

**Yang Dihormati Dato Ketua Polis Negeri, Yang Dihormati Dato'-Dato',
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Pasukan Polis Bantuan MBSP telah ditubuhkan pada 11 Julai 2001 dengan bilangan keanggotaan seramai 30 orang. Pada ketika itu Pasukan Polis Bantuan MBSP terdiri daripada seorang Inspektor, seorang Sarjan, dua (2) orang Koperal dan 26 Konstabel.

Polis Bantuan MBSP menjalankan tugas yang amat berbeza berbanding dengan tugas Polis Bantuan di agensi-agensi lain. Dengan tenaga anggota seramai 28 orang buat masa ini (perjawatan diluluskan adalah 30 orang). Polis Bantuan MBSP bertanggungjawab untuk memantau dan menjaga keselamatan harta dan aset MBSP yang bernilai RM1,372,259,161.00 daripada pencerobohan, kehilangan dan vandalisme. Harta dan aset selain daripada kenderaan dan peralatan adalah lot-lot tanah, pasar-pasar awam, kompleks makanan, dewan orang ramai, depo kontena dan depo sampah yang berada di seluruh Seberang Perai yang mempunyai keluasan 738.41 kilometer persegi. Seberang Perai terdiri daripada tiga(3) daerah SPU,SPT dan SPS, menjadi tempat tinggal 1.06juta orang (66% daripada keseluruhan penduduk Pulau Pinang) dan merupakan Pihak Berkuasa Tempatan terbesar di Malaysia.

**Yang Dihormati Dato Ketua Polis Negeri, Yang Dihormati Dato'-Dato',
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

MBSP mempunyai dua (2) Mahkamah Majistret (Munisipal) iaitu di Kampung Jawa, Butterworth dan Bukit Mertajam. Polis Bantuan bertanggungjawab melaksanakan kawalan di kedua-dua Mahkamah Majistret tersebut yang telah mengadakan 1,197 sidang sejak dari tahun 2012 sehingga 2019. Polis Bantuan telah menyerahkan saman kepada 31,911 Orang Kena Saman (OKS) yang melakukan pelbagai jenis kesalahan munisipal seperti kesalahan meletak kenderaan, pelesenan dan pembangunan serta kerja tanah; dan juga melaksanakan waran (tangkapan) ke atas 3,066 pesalah.

Polis Bantuan MBSP juga terlibat dalam mengawal selia ketenteraman dan keselamatan semasa MBSP mengambil tindakan penguatkuasaan, kawalan keselamatan aset-aset MBSP serta kawalan trafik semasa majlis-majlis rasmi anjuran MBSP dan juga Kerajaan Negeri dan membantu pihak PDRM dalam operasi bersepadu seperti tangkapan parkir haram, gelandangan dan kawalan lalulintas serta penyuraian trafik semasa waktu puncak.

Dari tahun 2012 sehingga 2019, Polis Bantuan MBSP telah melaksanakan 1,101 penguatkuasaan ke atas aktiviti parkir haram dan menyita 169 jentera di atas kesalahan-kesalahan kerja tanah. Baru-baru ini apabila Pulau Pinang dikejutkan dengan aktiviti pengimportan plastik terbuang dari negara-negara maju oleh pengimport yang tidak bertanggung jawab, Polis Bantuan MBSP diarah melaksanakan tugas yang terbaru iaitu pemantauan kawasan pembuangan sampah haram dan pencegahan vandalisme.

**Yang Dihormati Dato Ketua Polis Negeri, Yang Dihormati Dato'-Dato',
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

MBSP dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memasang sebanyak 160 buah CCTV di seluruh Seberang Perai di lokasi Hot Spot Jenayah. MBSP menjalinkan kerjasama strategik dengan PDRM bersama-sama memantau lokasi Hot Spot tersebut melalui 160 CCTV untuk memastikan penduduk merasa selamat, memantau pergerakan lalulintas, pembuangan sampah haram, kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan, kegiatan dan aktiviti penjajaan dan peniaga, aktiviti pengiklanan, anjing liar dan lintasan pejalan kaki.

Mulai 28 Februari 2019 Polis Bantuan MBSP telah mula melaporkan kejadian kesesakan luarbiasa berkaitan lalulintas dari paparan CCTV ke dalam Facebook MBSP. Kawalan CCTV adalah satu contoh kerjasama yang erat di antara MBSP dan PDRM dalam menangani jenayah kerana imej yang sama dapat dilihat di bilik Kawalan CCTV MBSP dan Bilik Kawalan di IPD serta IPK. Saya berharap kerjasama ini dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

**Yang Dihormati Dato Ketua Polis Negeri, Yang Dihormati Dato'-Dato',
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Sejajar dengan tanggungjawab dan skop kerja Polis Bantuan MBSP yang begitu besar, Polis Bantuan MBSP perlu dijenamakan semula melalui *institutional reform* dengan mengstruktur semula sistem pengurusan, memendekkan proses kerja, mengurangkan *red tape* dan meningkatkan imej melalui pemakaian pangkat dan penganugerahan pingat kepada anggota yang menunjukkan disiplin kepolisian yang tinggi, jujur, amanah, menaikan imej MBSP dan melaksanakan tugas berpaksikan rakyat atau *people centric in all action*.

Justeru MBSP telah membuat permohonan penganugerahan Pingat Kebaktian kepada dua (2) pegawai dan 18 anggota Polis Bantuan pada 10 Julai 2019. Pihak MBSP amat menghargai apabila YDH Ketua Polis Negara melalui Jabatan Pencegahan Jenayah Keselamatan dan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman telah meluluskan permohonan penganugerahan pingat tersebut pada 5 Disember 2019. MBSP juga mengucapkan setinggi penghargaan kepada YDH Ketua Polis Negeri Pulau Pinang, YDH Ketua Polis Daerah dan seluruh Pegawai Dan Anggota PDRM yang telah memproses dan menyokong permohonan Pingat Kebaktian ini.

Sejajar dengan Penjenamaan Semula Pasukan Polis Bantuan MBSP di bawah Pelan Strategik MBSP 2018-2022, kepercayaan dan kerjasama erat telah terbukti apabila YDH Ketua Polis Negara meluluskan Pemakaian Pangkat kepada Pegawai dan Anggota Polis Bantuan MBSP. Majlis Pemakaian Pangkat tersebut telah diadakan pada 15 Mac 2019, menyaksikan kenaikan pangkat bagi seorang Penolong Penguasa Polis, seorang Inspektor, seorang Sarjan Major, empat (4) orang Sarjan, empat (4) orang koperal dan tiga (3) orang Lans Koperal.

MBSP juga telah menghantar seorang pegawai menjalani Latihan Kursus Asas Pegawai Kanan Polis Bantuan Siri 1/2017 yang dianjurkan

oleh pihak PDRM buat kali pertama di pusat Latihan Polis Kuala Lumpur dan telah menamatkan latihan dengan jayanya dan memegang jawatan sebagai ASP Polis Bantuan. Pegawai tersebut merupakan satu-satunya wakil tunggal Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalani latihan tersebut.

Seramai enam (6) anggota penguatkuasa telah dihantar ke Kursus Asas Polis Bantuan 2018 siri 3/2018-2019 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur dan telah menamatkan latihan dengan jayanya dan telah ditempatkan di Unit Polis Bantuan pada 18 Januari 2019.

Secara peribadi saya menyatakan tahun 2019 dan tahun-tahun seterusnya adalah kemuncak hubungan strategik MBSP dengan PDRM dimana Pejabat Datuk Bandar sendiri saling berhubung dan bekerja rapat dengan IPK, IPD SPU, SPT dan SPS. Malahan anggota lain-lain pangkat juga berkerjasama secara rapat untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat.

**Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis, Yang Berbahagia Dato'-Dato',
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Ternyata MBSP memerlukan satu pasukan Polis Bantuan yang mantap supaya dapat melancarkan lagi perkhidmatan MBSP. Dengan jumlah 30 orang anggota untuk melaksanakan tugas-tugas Polis Bantuan MBSP di ketiga-tiga daerah Seberang Perai adalah tidak memadai. Adalah wajar tenaga anggota Polis Bantuan perlu ditambah, untuk meningkatkan keselamatan anggota dan orang awam serta asset MBSP yang bernilai RM1.3Billion. justeru MBSP akan memohon untuk mendapat pertambahan anggota dan berharap jasa baik PDRM untuk memberi kelulusan dalam masa terdekat.

**Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis, Yang Berbahagia Dato'-Dato',
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada 20 Anggota Polis Bantuan MBSP yang dianugerahkan dengan Pingat Kebaktian. Polis Bantuan MBSP hendaklah meningkatkan mutu perkhidmatan secara menyeluruh, serta meningkatkan semangat jati

diri dan disiplin melalui latihan dan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Polis Di Raja Malaysia.

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis (CP) Dato' Narenasagaran Thangaveloo, Ketua Polis Negeri Pulau Pinang di atas kesudian beliau untuk hadir dan menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Pegawai Dan Anggota Polis Bantuan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada anggota-anggota yang menerima pingat pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terimakasih.